



31/9/20
جَابَتْنِ قَرْدَانِ مَنَتَرِي

JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S OFFICE

JALAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: JPM/PENT/nCov-19/35 PT:1

12 Safar 1442
30 September 2020

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Mulia
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Tuan Haji

**GARISPANDUAN BAGI KEMASUKAN WARGANEGARA DAN PENDUDUK TETAP
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN KEMASUKAN WARGA ASING
KE NEGARA INI**

Dengan hormatnya sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenalkan pengemaskinian prosedur serta syarat-syarat bagi kemasukan warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan kemasukan warga asing ke Negara ini.

Sehubungan ini, dikongsikan bersama Garispanduan bagi Kemasukan Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan Kemasukan Warga Asing ke Negara ini seperti berikut:-

**1 KEMASUKAN WARGANEGARA DAN PENDUDUK TETAP NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM KE NEGARA INI**

- 1.1 Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk kembali ke negara ini adalah dinasihatkan untuk membuat **Deklarasi Ketibaan (Arrival Declaration)** bagi perjalanan masuk bermula hari Selasa, 15hb September 2020 jam 00:01 pagi bagi memudahkan pengurusan logistik semasa ketibaan mereka ke tanahair.



Mukasurat 1 dari 5



- 1.2 **Kementerian atau Agensi Kerajaan yang berkenaan hendaklah mengisikan borang Deklarasi Ketibaan bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali setelah membuat perjalanan 'essential' atas urusan rasmi Kerajaan, selepas menamatkan pengajian di luar negara, selepas mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (termasuk yang balik bercuti atas tambang Kerajaan), atau setelah menjalankan rawatan perubatan atas biayaan Kerajaan.**
- 1.3 Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara ini masih diperlukan untuk menjalani pengasingan diri di hotel-hotel penginapan tertentu. **Kementerian atau Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab perlulah membuat tempahan bilik hotel penginapan untuk pengasingan diri mandatori bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang kembali setelah membuat perjalanan 'essential' atas urusan rasmi Kerajaan, selepas menamatkan pengajian di luar negara, selepas mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (termasuk yang balik bercuti atas tambang Kerajaan), atau rawatan perubatan atas biayaan Kerajaan.** Kos pengasingan diri bagi mereka yang disebutkan ini adalah atas pembiayaan pihak Kerajaan dan **Kementerian atau Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab perlu membuat pengesahan terhadap invois-invois pembayaran penginapan hotel berkenaan** sebelum ianya dihadapkan kepada Kementerian Kesihatan untuk pengeluaran Baucer Pembayaran (*Payment Voucher*).
- 1.4 Warganegara dan penduduk tetap adalah digalakkan untuk mendapatkan ujian swab COVID-19 (RT-PCR) dalam tempoh masa 72 jam sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam, dan mereka akan dikehendaki untuk menjalani ujian swab COVID-19 kedua apabila tiba ke Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menjalani pengasingan diri selama tempoh 2 ke 14 hari mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan. Bagi yang tidak dapat memperolehi ujian swab COVID-19 (RT-PCR) sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam akan dikehendaki menjalani ujian swab COVID-19 pada hari kelima ketibaan ke Negara ini dan seterusnya menjalani pengasingan diri selama 7-14 hari di hotel-hotel bagi pengasingan diri mandatori.
- 1.5 Borang deklarasi tersebut serta garis panduan yang lebih terperinci mengenainya boleh didapati melalui central portal di Jabatan www.pmo.gov.bn/travelportal.



2. **KEMASUKAN WARGA ASING KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- 2.1 Pertimbangan khas kepada warga asing yang perlu membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam semasa Tahap 1 De-escalation Plan pergerakan keluar dan masuk ke Negara Brunei Darussalam yang sedang berkuatkuasa pada masa sekarang adalah dikemaskini dari segi kategori-kategori perjalanan tertentu sahaja yang boleh diberikan pertimbangan khas tertakluk kepada syarat-syarat tertentu iaitu:
 - i. Atas tujuan tugas rasmi dan urusan yang mustahak sahaja (essential travel);
 - ii. Pelajar-pelajar warga asing yang menuntut di Negara Brunei Darussalam, samada di bawah biasiswa Kerajaan atau persendirian;
 - iii. Warga asing menjalani rawatan perubatan di Negara Brunei Darussalam; dan
 - iv. Mana-mana pertimbangan khas yang diberikan secara case-by- case iaitu tertakluk kepada penilaian pihak Kerajaan terhadap sebab perjalanan tersebut.
- 2.2 Warga asing yang berhasrat untuk membuat perjalanan seperti yang dinyatakan tadi hendaklah dijamin atau ditaja (sponsor) sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam. Penjamin tersebut terdiri daripada Agensi Kerajaan, syarikat swasta atau penjamin individu yang tertentu sahaja. **Syarikat swasta yang berhasrat menjamin kemasukan warga asing adalah dikehendaki mendapatkan sokongan (endorsement) daripada Agensi Kerajaan atau badan autoriti yang berkaitan** mengikut sektor masing-masing.
- 2.3 **Penjamin adalah dikehendaki untuk menghadapi permohonan untuk mendapatkan Entry Travel Pass bagi warga asing membuat perjalanan masuk penting ke negara ini** melalui portal Jabatan Perdana Menteri di laman web www.pmo.gov.bn/travelportal dengan tatacara berikut:-
 - i. Hanya penjamin kepada warga asing tersebut iaitu samada Agensi Kerajaan, syarikat swasta atau penjamin individu yang tertentu sahaja yang membuat permohonan;
 - ii. Penjamin hendaklah menyertakan dokumen-dokumen sokongan semasa menghadapi permohonan;
 - iii. Permohonan kemasukan warga asing akan seterusnya dipertimbangkan berdasarkan kategori dan keperluan perjalanan ke Negara Brunei Darussalam serta penilaian risiko negara di mana mereka berada; dan



- iv. Jika permohonan tersebut diberikan kebenaran, **penjamin adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran awal bagi ujian swab COVID-19 (RT-PCR) yang akan dijalankan terhadap warga asing berkenaan setelah tiba di Negara Brunei Darussalam** nanti. Pembayaran awal dapatlah dibuat melalui sistem pembayaran atas talian dengan melayari alamat <https://www.healthinfo.gov.bn/entry-payment/#/user/login>. **Bagi Agensi Kerajaan yang menjamin kemasukan warga asing, pembayaran ujian swab pada kadar BND 350 akan dikenakan pada peruntukan Kementerian / Jabatan masing-masing yang bersesuaian.**
- 2.4 Bagi mana-mana permohonan yang telah diberikan kebenaran, warga asing yang akan dijamin masuk ke Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mempunyai keputusan ujian swab COVID-19 (RT-PCR) yang negatif sebelum masuk ke negara ini. Ujian tersebut hendaklah dijalankan dalam tempoh 72 jam sebelum bertolak ke Negara Brunei Darussalam. Warga asing akan dikehendaki untuk menjalankan ujian swab COVID-19 (RT-PCR) kedua dan pengasingan diri mandatori apabila mereka tiba di Negara Brunei Darussalam, berdasarkan garispanduan dan juga penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan semasa ketibaan ke negara ini.
- 2.5 **Penjamin juga adalah dikehendaki untuk membuat tempahan penginapan di hotel-hotel yang diiktiraf bagi pihak warga asing tersebut untuk pengasingan diri mandatori mereka setelah memasuki negara ini dan seterusnya membuat pengesahan terhadap invois-invois pembayaran penginapan hotel berkenaan** setelah tamat notis pengasingan diri warga asing berkenaan. Kadar pembayaran hotel-hotel (kecuali Empire Hotel and Country Club) bagi warga asing yang **dijamin oleh Agensi Kerajaan** adalah mengikut kadar hotel yang lazimnya (*COVID-19 rate*) dan meliputi kos penginapan dan makan minum semasa tempoh pengasingan diri mandatori dijalankan. Pengangkutan warga asing yang **dijamin oleh Agensi Kerajaan** akan disediakan seperti lazimnya dari lapangan terbang ke hotel dan pengangkutan dari hotel ke tempat ujian swab COVID-19 (RT-PCR) dilakukan akan disediakan. **Pengesahan tempahan hotel adalah di antara dokumen dokongan yang perlu dimuatnaik ke portal Jabatan Perdana Menteri**, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam para 2.3. Tempoh pengasingan diri adalah diantara 2 ke 14 hari bergantung kepada penilaian Kementerian Kesihatan berdasarkan kepada syarat-syarat penilaian tertentu setelah tiba di negara ini.
- 2.6 **Penjamin adalah bertanggungjawab untuk memastikan warga asing tersebut telah menetap di negara berlepas selama 14 hari dan adalah dalam keadaan yang sihat sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam.**



- 2.7 Syarat-syarat dan tatacara kemasukan warga asing ke negara ini seperti yang dinyatakan adalah berkuatkuasa bagi perjalanan masuk bermula hari Selasa, 15 September 2020 jam 00:01 pagi.
- 2.8 Garispanduan yang lebih terperinci berkaitan dengan permohonan bagi kemasukan warga asing ke Negara Brunei Darussalam boleh lah didapati dengan melayari laman portal Jabatan Perdana Menteri iaitu, www.pmo.gov.bn/travelportal.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk perhatian dan tindakan bersama Yang Mulia Tuan Haji mengenainya. والسلام

"Sentiasa Berkhidmat Dengan Petunjuk Allah"

Dengan hormat

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]

Setiausaha Tetap

